



# Pemotongan/Mutilasi Genitalia Wanita

## Apakah itu Pemotongan/Mutilasi Genitalia Wanita?

Pemotongan/Mutilasi Genitalia Wanita adalah perbuatan sengaja memotong atau mengubah bahagian genitalia wanita tanpa apa-apa alasan perubatan yang munasabah. Perbuatan ini dikenali dengan pelbagai nama, seperti pemotongan, khatan wanita dan pembedahan ritual bagi wanita. Prosedur ini boleh mendatangkan mudarat kepada kesihatan wanita dan tidak seharusnya dilakukan.

Sekiranya anda atau seseorang yang anda kenal berada dalam bahaya, sila hubungi pihak polis di talian **000**.

Pihak Polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai.

Untuk mendapatkan maklumat dan kaunseling sulit secara percuma, hubungi 1800RESPECT di talian **1800 737 732**.

Jika anda memerlukan khidmat penterjemah secara percuma, sila hubungi **131 450**.

## Bantuan dan sokongan kesihatan disediakan di Australia.

Jika anda mengalami mudarat akibat salah satu daripada prosedur ini, anda boleh mendapat penjagaan kesihatan dan sokongan secara percuma di Australia. Doktor, jururawat, ahli profesional perubatan yang lain dan guru anda boleh membantu anda.

Sekiranya anda merancang untuk hamil, anda mungkin ingin berbincang dengan seorang doktor, jururawat atau ahli profesional perubatan yang lain untuk mendapat sokongan tambahan apabila anda hamil dan apabila anda melahirkan bayi anda.

## Pemotongan/Mutilasi Genitalia Wanita adalah jenayah yang dipandang serius di Australia.

Pemotongan/Mutilasi Genitalia Wanita adalah suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang Australia. Ini juga termasuk perbuatan menghantar seseorang ke luar negara untuk menjalankan prosedur tersebut, atau mengurus, menyokong atau menggalakkan seseorang menjalani prosedur tersebut.

Seseorang yang melakukan perbuatan jenayah ini boleh dikenakan hukuman penjara, tanpa mengira sama ada mereka lelaki atau wanita.

Jika anda mengalami kemudaratan akibat prosedur ini, anda digalakkan untuk mendapatkan bantuan dan anda tidak akan dihukum di bawah undang-undang Australia.

## Terdapat perkhidmatan dan sumber lain yang boleh membantu.

Anda boleh mendapatkan maklumat tentang Pemotongan/Mutilasi Genitalia Wanita di tapak web **Set Alat Pendidikan Negara untuk Kesedaran Tentang Pemotongan/Mutilasi Genitalia Wanita** (National Education Toolkit for Female Genital Mutilation/Cutting Awareness) di [www.netfa.com.au](http://www.netfa.com.au).

**1800RESPECT** adalah perkhidmatan kaunseling untuk keganasan rumah tangga, keluarga dan serangan seksual kebangsaan Australia. Perkhidmatan ini menyediakan khidmat telefon sulit, khidmat dan maklumat kaunseling dalam talian. Kaunselor akan mendengar kisah anda, menjawab pertanyaan anda dan boleh merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan yang lain di kawasan tempatan anda.

Hubungi **1800 737 732** atau layari tapak web **1800RESPECT** di [www.1800RESPECT.org.au](http://www.1800RESPECT.org.au).

Sekiranya anda atau sesiapa yang anda kenali, telah dibawa ke luar negara untuk prosedur ini atau anda berasa bahawa mereka terdedah kepada risiko dibawa ke luar negara untuk menjalani prosedur tersebut, sila hubungi talian 24/7 **Pusat Kecemasan Konsular** (Consular Emergency Centre) di talian **1300 555 135** (dari Australia) atau **+61 2 6261 3304** (dari luar negara) atau hubungi misi luar negara Australia yang terdekat di **dfat.gov.au**.

## Adakah anda memerlukan khidmat seorang penterjemah?

Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa** (Translating and Interpreting Service – TIS) di talian **131 450**. Seorang penterjemah dari TIS akan membantu anda berkomunikasi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain, namun TIS tidak menyediakan khidmat kaunseling. Semua panggilan adalah percuma dan sulit